

13 JUN 1999

Mahathir-Drama

DRAMA PERJUANGAN DR MAHATHIR AKAN DITERBITKAN

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Sebuah drama bersiri mengisahkan imbasan biografi dan perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diterbitkan dan ditayangkan di televisyen tidak lama lagi.

Drama bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai" itu adalah ilham sajak nukilan Dr Mahathir dan drama ini mengisahkan pemikiran dan tindakan beliau dalam menangani isu-isu agama.

Drama 45 minit 16 episod itu akan diterbitkan dengan kos RM450,000 dan ia adalah terbitan bersama Saga Fortune Sdn Bhd dan Yayasan Pasir Mas (YPM) serta ditaja oleh Pacific Chemicals Berhad.

Saga Fortune Sdn Bhd sebuah syarikat Bumiputera yang aktif dalam pembekalan dan penerbitan drama untuk siaran televisyen, YPM pula sebuah badan kebajikan sementara Pacific Chemicals Berhad sebuah syarikat yang terbabit dalam perniagaan dan pembangunan hartanah.

Majlis menandatangani perjanjian penerbitan drama itu diadakan di sini dan disaksikan oleh Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang sebelum itu telah melancarkan drama berkenaan.

Drama itu memaparkan tentang susur galur perjuangan seorang tokoh pemimpin Melayu yang berjaya mencetuskan suatu gagasan mengangkat martabat bangsa dan negara di mata dunia.

Watak utama drama itu dipegang oleh Shukery Hashim sebagai Dr Kamal dan pelakon-pelakon lain yang menjajanya termasuk Ridzuan Hashim, Zulkifli Zain, M Rajoli, Normala Omar dan Ridani.

Semasa melancarkan drama itu, Mohd Khalil berkata "Perjuangan Yang Belum Selesai" adalah satu tajuk yang cukup sinonim dengan Dr Mahathir dan rakyat Malaysia.

Perjuangan untuk agama, bangsa dan tanah air memerlukan kesungguhan semua pihak dan tidak hanya dibahu Dr Mahathir yang telah membuktikan stail kepimpinan cemerlang, katanya.

Beliau juga berkata drama bertemakan patriotik ini membuktikan bahawa penerbit Bumiputera di negara ini tidak ketandusan idea dan masih bertenaga dalam industri video dan filem tempatan yang mungkin terjejas sedikit sebanyak lantaran iklim ekonomi Malaysia.

Pengerusi YPM, Datuk Ibrahim Ali pula berkata drama ini akan menjawab fitnah-fitnah berkaitan agama yang dilemparkan terhadap Dr Mahathir sebelum ini.

Penggambaran drama itu akan dimulakan dalam dua minggu lagi dan ia dijangka disiarkan menerusi RTM pada September ini, katanya.

Keuntungan daripada drama itu akan diderma kepada anak-anak yatim dan golongan miskin, tambahnya.

-- BERNAMA

ARA PR